

07/04/2000

Muzium Islam perlu jalin kerjasama dengan negara OIC

KUALA LUMPUR, Khamis - Muzium Kesenian Islam Malaysia, muzium tunggal di rantau Asia-Pasifik yang mempamerkan khazanah kesenian dan kebudayaan Islam, perlu menjalin kerjasama dengan institusi Islam di negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata muzium yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, boleh mengadakan pameran berkaitan kesenian Islam dan artifak dari negara OIC.

Muzium itu yang terletak di Jalan Lembah Perdana berdekatan Masjid Negara di sini, dibuka pada Disember 1998.

Sehubungan itu, beliau turut mencadangkan supaya Yayasan Albukhary yang mengendalikan muzium berkenaan supaya mengadakan satu pameran ketika mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC di sini, Jun ini.

"Duta-duta dari negara OIC yang berada di sini, boleh menggerakkan usaha itu supaya khazanah kesenian dan kebudayaan Islam di negara masing-masing dapat dipamerkan.

"Kegiatan seperti ini perlu diperbanyakkan bukan saja untuk orang Islam, malah kaum lain, termasuk pelancong asing di negara ini," katanya berucap melancarkan setem dan sampul surat hari pertama Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Bhd, Tan Sri Zainol Mahmood dan Pengerusi Eksekutif Yayasan Albukhary, Datuk Syed Mokhtar Albukhary.

Setem keluaran Pos Malaysia yang berkonsepkan peradaban Islam itu dikeluarkan dalam empat denonimasi iaitu setem 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1.

Setem 20 sen menggambarkan Kubah Terbalik, salah satu daripada kubah di muzium itu, setem 30 sen menggambarkan reka bentuk luaran kubah utama, setem 50 sen memaparkan panel uthmaniah yang diambil dari bilik Uthmaniah di muzium itu manakala setem RM1 memaparkan konsep reka bentuk Mihrab, satu kesenian masjid.

Pos Malaysia juga mengeluarkan Lembaran Cenderamata yang mengandungi 20 keping setem berharga RM6 dan Lembaran Cenderamata Bercetak Emas Tebukan Edisi Terhad berharga RM10.

Setem dan sampul surat hari pertama itu dijual di Kedai Muzium, mulai esok.

Abdullah berkata, muzium itu adalah satu kebanggaan umat Islam dan rakyat negara ini.

"Muzium itu sepatutnya dapat memperkenalkan dengan lebih dekat lagi segala aspek yang berhubung kait dengan kesenian Islam, dan Islam sebagai satu agama, yang mempunyai pengaruh begitu besar kepada tamadun manusia," katanya.

Abdullah berharap muzium itu memperkenalkan kepada rakyat Malaysia dan pelancong asing Islam bukan saja sebagai agama malah fungsinya dalam pembangunan tamadun manusia termasuk pembangunan di negara ini.

Katanya, usaha mengadakan setem dan sampul surat hari pertama adalah satu usaha yang baik bagi mempromosikan muzium itu dan menjadi perakam kepada satu peristiwa bersejarah.

Beliau gembira dan berharap setem dan sampul surat hari pertama muzium itu akan disebar dengan meluas oleh pengumpul setem bagi membolehkan kewujudan muzium itu diketahui.

(END)